

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

LAPORAN SIASATAN EAIC KELULUSAN LESEN PERIKANAN DAN DASAR PELESENAN OLEH JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

***UNTUK SIARAN SEGERA
24 NOVEMBER 2025***

EAIC telah menjalankan siasatan ke atas pegawai-pegawai Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) di negeri Johor, Kedah, Terengganu, Kelantan, Pahang dan Ibu Pejabat DOF bagi meneliti pematuhan prosedur dan dasar pelesenan DOF dalam kelulusan 54 lesen perikanan kepada dua buah syarikat. Siasatan ini dijalankan berdasarkan kepada seksyen 28 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

HASIL SIASATAN

Hasil siasatan EAIC mendapati berlaku ketidakpatuhan terhadap prosedur dan dasar pelesenan DOF dalam proses permohonan dan kelulusan bagi 54 vesel milik dua buah syarikat yang terlibat. Selain itu, turut wujud unsur jenayah pemalsuan atau menggunakan dokumen palsu sebagai tulen yang boleh disiasat di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan [Akta 574].

Sehubungan itu, EAIC akan:

(i) Merujuk pegawai-pegawai terlibat kepada Pihak Berkuasa Tatatertib DOF

Hasil siasatan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib DOF dengan mengesyorkan hukuman tatatertib terhadap pegawai-pegawai yang terlibat di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]. Syor hukuman ini dibuat susulan daripada

kesalahan tata tertib yang dilakukan iaitu tidak bertanggungjawab, ingkar perintah dan cuai dalam melaksanakan tugas;

(ii) Merujuk siasatan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC)

Hasil siasatan dirujuk kepada AGC selaras dengan peruntukan perenggan 30(1)(c) Akta 700 dengan cadangan untuk siasatan jenayah menurut seksyen 471 Akta 574 atau mana-mana seksyen berkaitan dibuat ke atas suspek-suspek yang dikenalpasti; dan

(iii) Mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan tadbir urus pelesenan kepada DOF seperti berikut:

- a) Ketua Pengarah Perikanan hendaklah mempertimbangkan pembatalan lesen vesel-vesel yang diperolehi melalui prosedur yang tidak teratur;
- b) DOF perlu menyediakan garis panduan khusus berkaitan kelulusan Ibu Pejabat DOF ke atas permohonan ubah suai vesel melebihi 20%;
- c) menambah baik sistem pengurusan fail di Pejabat Perikanan Daerah;
- d) menetapkan had bilangan lesen perikanan/ vesel yang boleh dikeluarkan kepada sesebuah syarikat; dan
- e) menambah baik sistem *E-Lesen*.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**